

D280

U B345 AAB
MAHATHIR - PERTANDINGAN

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BERNAMA) -- PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN TERTINGGI UMNO JUMAAT INI BERPUNCA DARIPADA BEBERAPA ORANG YANG BERCITA-CITA BESAR DAN TIADA KENA MENGENA DENGAN PENCAPAIAN UMNO, KATA PRESIDEN PARTI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

DALAM WAWANCARA KHAS DENGAN AKHBAR MERDEKA, LIDAH RASMI PARTI, BELIAU BERKATA PERTANDINGAN ITU MENJEJASKAN IMEJ UMNO.

KATANYA, PERTANDINGAN ITU TIADA KENA MENGENA DENGAN PENCAPAIAN UMNO KERANA PARTI ITU TELAH MENCAPAI KEJAYAAN BESAR DALAM PILIHAN RAYA LEPAS.

+KALAU BENARLAH KEPIMPINAN UMNO TIDAK BAIK DAN DASAR-DASAR KERAJAAN JUGA TIDAK BAIK MAKA MUSTAHIL KITA BOLEH MENCAPAI KEMENANGAN CEMERLANG.

+TETAPI OLEH KERANA ADA ORANG YANG BERCITA-CITA BESAR MAKA INILAH YANG MENYEBABKAN PERTANDINGAN BERLAKU YANG MENJEJASKAN IMEJ KITA,+ KATANYA. -- LAGI

1426MST 21 04 87

D283

U B347 AAB
MAHATHIR - PERTANDINGAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA +SATU DUA ORANG+ YANG BERCITA-CITA BESAR ITU MEMBERI GALAKAN KEPADA YANG LAIN UNTUK MENDEDAHKAN SIKAP YANG TIDAK SEPATUTNYA ADA PADA MEREKA.

BELIAU, YANG DICABAR OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, YANG JUGA KETUA UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG, BAGI JAWATAN PRESIDEN, MENGANGGAP PERTANDINGAN ITU SEBAGAI SATU CABARAN YANG LEBIH BERMAKNA TERHADAP BUKAN SAHAJA PUCUK PIMPINAN TETAPI TRADISI UMNO.

CABARAN ITU MEMERLUKAN PANDANGAN YANG SERIUS SETIAP ANGGOTA PARTI SELAIN DARIPADA PIHAK YANG DICABAR, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI PERTANDINGAN ANTARA BEKAS PERDANA MENTERI, TUN HUSSEIN ONN, DENGAN HAJI SULAIMAN PALESTINE BAGI MEREbut JAWATAN ITU SEBELUM INI TIDAK SAMA SEPERTI PERTANDINGANNYA DENGAN TENGGU RAZALEIGH.

KATANYA, BELIAU KHUATIR BAHAWA KESAN PERTANDINGAN ITU TERHADAP UMNO ADALAH BURUK. -- LAGI
1433MST 21 04 87

D295

U B350 AAB
MAHATHIR - PERTANDINGAN 3 KUALA LUMPUR

+KITA DAPATI SUDAH ADA DUA PUAk YANG KADANG-KADANG TIDAK BERTEGUR SAPA DAN ADA SANGKAAAN BURUK DI ANTARA DUA PUAk INI. MEREKA TERPISAH DAN ADA GOLONGAN YANG MENGASING DAN MEMENCILKAN DIRI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA SUDAH ADA TANDA-TANDA ORANG ASING MEMANDANG RENDAH DAN KURANG MENGHORMATI ORANG MELAYU KERANA PERSELISIHAN DALAM PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BIMBANG PEMBANGUNAN BANGSA MELAYU SEBAGAI +BANGSA YANG BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH DENGAN BANGSA LAIN PADA ZAMAN MODERN INI+ AKAN TERJEJAS JIKA KEADAAN ITU BERTERUSAN.

KATANYA, TENTANGAN YANG DIHADAPI OLEH KEPIMPINAN SEKARANG TIADA KENA MENGENA DENGAN DASAR-DASAR NEGARA.

APA YANG BERLAKU IALAH DASAR-DASAR ITU DIJADIKAN ISU UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN, JELAS BELIAU. -- LAGI
1519MST 21 04 87

D297

U B351 AAB

MAHATHIR - PERTANDINGAN 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR-DASAR ITU BERJAYA MEMBAWA NEGARA KE TAHAP PEMBANGUNAN YANG LEBIH TINGGI.

KATANYA, SEMEMANGNYA MENJADI TUGAS PEMIMPIN MENANAM SEMANGAT KESEDARAN KEPADA MEREKA YANG DIPIMPINNYA.

+DISEBABKAN ITULAH SAYA DAN RAKAN-RAKAN SAYA TELAH CUBA MEMBERI PENERANGAN LEBIH KERAP KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DENGAN MEMBUAT LAWATAN KE NEGERI-NEGERI,+ JELAS BELIAU.

BELIAU BERKATA PENERANGAN YANG DIBERIKAN BUKAN SAHAJA MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN TETAPI MEMBUAT ANALISIS MENGAPA SESUATU DASAR TIDAK BEGITU BERJAYA DAN CARA MENGATASINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HASRATNYA ADALAH UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG SETARAF DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU. -- LAGI

1522MST 21 04 87.

D299

U B352 AAB

MAHATHIR - PERTANDINGAN 5 KUALA LUMPUR

+INI BUKAN CITA-CITA YANG MUSTAHIL DICAPAI KERANA KITA TELAH MELIHAT BANYAK NEGARA MEMBANGUN KINI MENJADI NEGARA MAJU ATAU SEPARUH MAJU DAN KITA MEMPUNYAI POTENSI DAN KEMAMPUAN YANG SAMA,+ KATA PERDANA MENTERI.

APA YANG PENTING, KATANYA, PERJUANGAN NEGARA MESTILAH MEMPUNYAI ARAH TERTENTU TANPA APA-APA HALANGAN.

BELIAU BERKATA TANDA-TANDA EKONOMI NEGARA SEDANG PULIH SEMULA TELAH JELAS KEPADA SEMUA ORANG.

+PELABURAN WANG ASING TELAH MASUK \$4,500 JUTA UNTUK MEMAINKAN PERANAN DALAM PASARAN SAHAM DAN NILAI SAHAM SUDAH MENINGKAT DENGAN MENDADAK,+ KATANYA.

BELIAU YAKIN TREND EKONOMI YANG MULA MENINGKAT INI AKAN BERTERUSAN ASALKAN EKONOMI DUNIA TIDAK MENGHADAPI TEKANAN KEMELESETAN YANG TERUK.-- BERNAMA

1526MST 21 04 87